

Laman Sosial

facebook

Persatuan Alumni UniMAP

Eratkan Alumni Serantau

Oleh ; Sayang Nurshahrizleen Ramlan



Penubuhan laman sosial Facebook Pages Persatuan Alumni UniMAP ini bukanlah sebagai pengganti kepada Sistem Maklumat Alumni UniMAP seperti mana yang anda layari di laman <http://publicweb.unimap.edu.my/~alumni/> tetapi ianya bertujuan untuk menghimpunkan warga alumni UniMAP bagi mengeratkan hubungan ukhawah sesama alumni dewasa ini. Untuk pengetahuan semua, laman sosial adalah kesinambungan daripada Sistem Maklumat Alumni UniMAP. Sistem yang telah dibangunkan dalam tahun 2007 itu pada dasarnya mengumpul data-data warga alumni KUKUM-UniMAP dengan tujuan penyelarasan pihak Unit Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), UniMAP. Segala data yang diterima adalah rahsia dan data-data tersebut adalah untuk kegunaan pihak pengurusan universiti.

Manakala Facebook Pages Persatuan Alumni UniMAP yang didaftarkan atas talian (online) pada 1 April 2010 lepas pula adalah satu platform yang bertujuan menghubungkan rangkaian Alumni UniMAP di seluruh dunia serta memberi informasi dan perkembangan terkini tentang aktiviti-aktiviti alumni dan

alma mater. Alma mater adalah sebuah universiti dimana seseorang graduan itu bergraduasi. Sehingga kini, keahlian Facebook Pages Persatuan Alumni UniMAP telah pun melebihi 700 ahli dalam tempoh 2 bulan. Mereka terdiri di kalangan alumni UniMAP dari semua kohort iaitu tahun 2006 hingga 2009. Respon dari ahli setakat ini amat positif berdasarkan jumlah wall posting dan interaksi yang dikalangan ahli. Antara features menarik yang terdapat dalam Facebook Pages adalah seperti wall (berfungsi seperti papan notis utama), info (latarbelakang), event (menganjur dan mempromosi program), photo (galeri foto), discussion board (topik diskusi), link (pautan pada laman lain) dan video (pautan klip video untuk tontonan ahli). Facebook menggunakan konsep wall di mana setiap posting seperti pesanan, status terkini, berita, iklan, perkongsian pautan, gambar atau video akan dikongsi di wall peribadi setiap individu yang saling berkaitan dipanggil fan.

Facebook Pages turut merekod dan mengemaskini statistik keaktifan atau tahap interaksi sesama ahli laman ini yang akan diemel kepada creator (pemegang

akaun/pembina) dan admin secara mingguan. Selain itu, creator dan admin juga berupaya memantau trafik kemasukan ahlinya dari masa ke semasa mengikut kriteria pilihan. Dalam aspek aplikasi, facebook pages menyediakan ruang yang cukup luas kepada creator untuk membina pelbagai aplikasi yang boleh digunakan dalam facebook pages. Melalui aplikasi ini, pengguna boleh menambahkan lebih banyak fungsi kepada akaun facebook nya.

Antara aplikasi yang menjadi kegemaran adalah pelbagai jenis permainan, multimedia interaktif, kad hari jadi dan perayaan, dan pelbagai lagi aplikasi-aplikasi lain sama ada berbentuk hiburan, perniagaan atau pendidikan. Aplikasi memberikan Facebook kepelbagaian fungsi tanpa batasan. Facebook menjadi fenomena di internet masa kini kerana penggunaannya yang pelbagai dan meluas. Laman sosial ini membuktikan bahawa pihak pengurusan UniMAP benar-benar mahu melihat Persatuan Alumni UniMAP terus relevan di bawah payung JHEPA dalam era teknologi maklumat dan globalisasi.